

**Najib Pelawa MCA Sertai Semula Kabinet, Bantu Rangka Masa Depan Negara  
Bernama  
3 Mei, 2014**

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Sabtu mempelawa MCA untuk menyertai semula Kabinet, menjadi lebih kuat dalam Barisan Nasional (BN) dan bersama-sama membantu merangka masa depan negara.

Najib, yang juga Pengerusi BN berkata beliau akan memutuskan 'butiran lanjut' mengenai perkara itu.

"MCA tidak boleh berada di luar kerajaan. Anda perlu menjadi sebahagian daripada Kerajaan BN kerana jika anda bercakap untuk menjadi lebih kuat bersama-sama, anda perlu berada dalam kerajaan. Kita akan menentukan masa depan Malaysia," katanya.

Najib berucap di majlis pelancaran kempen transformasi MCA bertemakan 'Teguh Bersama' pada perhimpunan perpaduan parti itu di sini.

Turut hadir, Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai, Timbalan Presiden Datuk Dr Wee Ka Siong dan pemimpin kanan parti.

Najib berkata penyertaan MCA dalam Kabinet pasti akan membantu kerajaan untuk merancang polisi yang relevan demi kepentingan semua kaum di negara ini.

"Saya pasti memberikan pertimbangan serius kepada MCA, namun sebagaimana anda ketahui, saya umpama seorang bapa yang mempunyai ramai anak. Kami (BN) mempunyai 13 parti," katanya.

Najib turut mengingatkan MCA agar menggandakan usaha dan mencari kekuatan sebenar untuk memastikan parti itu kekal kukuh dalam kalangan masyarakat Cina.

"Saya tidak mahu mendengar mengenai sejuta anggota MCA. Saya ingin tahu kekuatan sebenar anda. Jadi, turun padang, jumpa setiap anggota dan tanyakan "adakah anda masih komited kepada MCA? Kita perlu tahu," katanya.

Perdana Menteri menasihatkan MCA agar bersatu dan mengikis sikap berpuak-puak bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang agar parti itu mampu meletakkan

calon-calon yang terbaik.

"Jadilah lebih realistik. Kami mahukan calon terbaik MCA untuk bertanding di setiap kawasan pilihan raya," katanya.

Najib berkata dari segi kerusi Parlimen yang dimenangi parti itu, MCA berkurangan kepada 12 kerusi pada Pilihan Raya Umum (PRU) pada 2008 dan kemudian kepada tujuh pada PRU, 2013.

"Kita tidak boleh lagi membiarkan MCA terus jatuh. Kita mahukan MCA terus naik, lebih tinggi dan lebih baik.

"Inilah semangat perhimpunan kali ini dan saya akan sentiasa bersama-sama anda," kata Najib.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035428>